



**DR 5 TAHUN 2021
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

TUNTUTAN FAEDAH ATAS KELEWATAN PROJEK PERUMAHAN PR1MA

- **KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
(KPKT)/PERBADANAN PR1MA MALAYSIA**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14

1. YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
2. YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] - *Naib Pengerusi*
3. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
4. YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
5. YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
6. YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Lumut]
7. YB. Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]
8. YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
9. YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
10. YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]
11. YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
12. YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
13. YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
14. YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
15. YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha PAC / Setiausaha Dewan Rakyat*

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
2. Unit Perancang Ekonomi (EPU)
3. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Peguam Negara (AGC)
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
7. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG TUNTUTAN FAEDAH ATAS KELEWATAN PROJEK PERUMAHAN PR1MA	1 - 19
2	RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN	20 - 23
3	AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN	-
4	LAPORAN PROSIDING	-
5	DOKUMEN PEMBENTANGAN	-



GLOSARI

GLOSARI

AGC	Jabatan Peguam Negara
Akta 739	Akta Perumahan Rakyat 1Malaysia 2012
CIPAA	Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012 [Akta 746]
DE	<i>Development Expenditure</i>
EOT	Pemberian Perlanjutan Masa
EPU	Unit Perancang Ekonomi
LAD	Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan
MEBPA	<i>Master En-Bloc Purchase Agreement</i>
MOC	<i>Members of Corporation</i>
GDC	<i>Gross Development Cost</i>
JAN	Jabatan Audit Negara
JANM	Jabatan Akauntan Negara
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KP JPN	Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara
KPE	Ketua Pegawai Eksekutif
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KSP	Ketua Setiausaha Perbendaharaan
KSU	Ketua Setiausaha
LKAN	Laporan Ketua Audit Negara
MOF	Kementerian Kewangan
PAC	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
PM	Peraturan Mesyuarat
PR1MA	Perbadanan PR1MA Malaysia
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



GAMBAR PROSIDING





LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN BERHUBUNG
TUNTUTAN FAEDAH ATAS KELEWATAN BAYARAN PROJEK
PERUMAHAN PR1MA
DI BAWAH KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN (KPKT) / PERBADANAN PR1MA MALAYSIA**

1. PENDAHULUAN

Tuntutan Faedah Atas Kelewatan Bayaran Projek Perumahan PR1MA di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) / Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) adalah sebahagian daripada penemuan audit dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Penyata Kewangan Dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2019 yang dibentangkan di Parlimen pada 10 Disember 2020.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini pada 11 Januari 2021 iaitu dalam Prosiding Bilangan 2(a) 2021 dan 2(b) 2021.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Peraturan Mesyuarat (PM) 77(1)(c) dan 83(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Arahan Perbendaharaan 304(a), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) Tuntutan Faedah Atas Kelewatan Bayaran Projek Perumahan PR1MA di bawah KPKT/PR1MA bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada tuntutan faedah atas kelewatan bayaran projek perumahan PR1MA dilaksanakan dengan teratur dan mengikut kontrak yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI

3.1. Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- i. memanggil pihak yang berkepentingan dalam pengurusan terhadap Tuntutan Faedah Atas Kelewatan Bayaran Projek Perumahan PR1MA iaitu Ketua Setiausaha (KSU) KPKT, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara (KP JPN) dan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) PR1MA untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan; dan
- ii. menjemput wakil daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Kewangan (MOF), Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri (JPM), JAN, Jabatan Akauntan Negara (JANM), Jabatan

Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

3.2. Prosiding yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH / MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	11 Januari 2021 / 10.30 pagi	Bil. 2(a)/2021	i. Jabatan Audit Negara: - Puan Kartina binti Zamhari, Pengarah Audit Kewangan I, Sektor Audit Kewangan
2.	11 Januari 2021 / 11.00 pagi	Bil. 2(b)/2021	i. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan: - Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ii. Perbadanan PR1MA Malaysia - Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan PR1MA Malaysia

4. LATAR BELAKANG

4.1 Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) ditubuhkan pada 1 Januari 2013 di bawah Akta Perumahan Rakyat 1Malaysia 2012 (Akta 739). Kegiatan utama PR1MA adalah untuk merancang, membangun, membina dan menyenggara perumahan berkualiti tinggi dengan konsep gaya hidup berpatutan untuk rakyat berpendapatan sederhana di kawasan bandar-bandar utama.

4.2 *Transformation Blueprint 2018-2020* dan Pelan Rasionalisasi Projek PR1MA telah mula dilaksanakan pada tahun 2018 untuk menyemak semula hala tuju dan hasil serta impak terhadap pelaksanaan 94 projek

perumahan PR1MA. Keseluruhan nilai kontrak yang terlibat adalah berjumlah RM23.047 bilion yang telah ditandatangani di antara PR1MA dengan pihak kontraktor pada tahun 2013 hingga 2018. Pelan tersebut adalah bertujuan untuk meneruskan projek yang berdaya maju sahaja bagi mengurangkan kos perbelanjaan dan menambah baik aliran tunai PR1MA.

4.3 Selaras dengan pelaksanaan Pelan Rasionalisasi Projek PR1MA, Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA [Members of Corporation (MOC)] Bil. 46 pada 19 Februari 2019 telah memutuskan untuk meneruskan 65 projek (84 fasa) dengan nilai kontrak berjumlah RM15.012 bilion dan membatalkan 29 projek (48 fasa) berjumlah RM8.035 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam jadual di bawah:

STATUS PROJEK PR1MA SETAKAT 31 DISEMBER 2019

BIL.	STATUS PROJEK	BILANGAN PROJEK	BILANGAN FASA	NILAI KONTRAK (RM Billion)
1.	Diteruskan	65	84	15.012
2.	Batal	29	48	8.035
	JUMLAH	94	132	23.047

Sumber: LKAN Tahun 2019

5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN PAC PARLIMEN

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh wakil Ketua Audit Negara kepada PAC Parlimen.

Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu KSU KPKT, KP JPN dan KPE PR1MA dipanggil untuk memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

5.1. Penjelasan Awal Oleh Puan Kartina binti Zamhari (Pengarah Audit Kewangan I, Sektor Audit Kewangan, JAN)

Puan Kartina binti Zamhari telah memaklumkan bahawa PR1MA adalah agensi di bawah KPKT yang telah ditubuhkan pada tahun 2013. Kegiatan utama PR1MA ialah merancang, membangun, membina dan menyenggara perumahan berkualiti tinggi di bandar-bandar utama. Sejak penubuhannya, PR1MA telah melaksanakan 94 buah projek perumahan yang bernilai RM23.047 bilion sehingga tahun 2018.

[Nota PAC: Pelaksanaan 94 buah projek perumahan yang bernilai RM23.047 bilion adalah sehingga tahun 2019 (Sumber: LKAN 2019)]

Pada tahun 2018, *Transformation Blueprint 2018-2020* dan Pelan Rasionalisasi Projek PR1MA telah dilaksanakan ke atas projek-projek yang tidak memberangsangkan dan keputusan daripada Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA Bil. 46 pada 19 Februari 2019 telah memutuskan untuk membatalkan 29 daripada 94 buah projek bernilai RM8.035 bilion. Bagaimanapun sehingga 31 Disember 2020 jumlah projek dibatalkan meningkat kepada 32 buah projek. Pembatalan projek dibuat kerana penjualan rumah adalah sangat lembap selain kekangan kewangan PR1MA.

PAC juga dimaklumkan bahawa bermula tahun 2016, PR1MA sudah mula mempunyai defisit dalam penyata kewangannya. Sehingga

tahun 2019, PR1MA telah mengalami kerugian di mana kos jualan adalah rendah berbanding kos-kos untuk pembangunan perumahan tersebut. Kekangan kewangan telah menyebabkan PR1MA mengalami kelewatan dalam pembayaran kepada pihak kontraktor iaitu antara lima (5) hingga 1,192 hari.

5.2 Keterangan YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan (KSU KPKT)

YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan telah memaklumkan bahawa Perbadanan PR1MA Malaysia ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 untuk merancang, membangun, membina dan menyelenggarakan perumahan berkualiti tinggi dengan konsep gaya hidup berpatutan untuk rakyat berpendapatan sederhana. Pada September 2018, Jemaah Menteri telah bersetuju untuk PR1MA dipindahkan kawal selia daripada JPM ke KPKT. Pada masa yang sama, *Transformation Blueprint 2018-2020* juga telah dikemukakan dan dilaksanakan.

MOC PR1MA bertanggungjawab menjalankan fungsi dan kuasa-kuasa yang diberi peruntukan di bawah akta. Menteri yang bertanggungjawab ke atas PR1MA ketika ini ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab dalam menentukan hala tuju PR1MA. Pelantikan Pengerusi, KPE dan Anggota Perbadanan adalah di bawah bidang kuasa Perdana Menteri.

Model perniagaan PR1MA ialah *delivery-driven* dan bergantung pada geran kerajaan di peringkat awal penubuhannya. Pada ketika itu, jualan unit rumah amat perlahan dan PR1MA menghadapi kekangan dalam aliran tunai serta telah menghadapi beberapa tuntutan undang-undang, khususnya di bawah Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012 [Akta 746] (CIPAA) dan juga pelanggaran kontrak. Tahun 2018 merupakan tahun transisi dan pengurusan krisis Perbadanan PR1MA.

Kemudian pada Februari 2019, Lembaga Pengarah PR1MA telah meluluskan transformasi dan rasionalisasi di mana daripada 94 projek yang sedang dilaksanakan pada ketika itu, hanya 65 projek sahaja yang diteruskan dan 29 dibatalkan. Pada masa yang sama, telah berlaku penyusunan semula organisasi yang melibatkan lebih 30% pertukaran di peringkat pengurusan serta pelaksanaan audit dan usaha wajar (*due diligence*).

Pada tahun 2020, PR1MA telah melaksanakan model perniagaan baharu yang berbentuk *sales-driven* dengan pindaan ke atas *Master En-Bloc Purchase Agreement* (MEBPA) melalui Perjanjian-Perjanjian Tambahan (*Supplemental Agreements*) dan pembaikan model usaha sama (*joint venture*).

[Nota PAC: Perjanjian-Perjanjian Tambahan ditandatangani pada/mulai tahun 2019 dan bukannya tahun 2020]

Melalui Pelan Rasionalisasi Projek PR1MA, PR1MA telah berjaya mengurangkan pendedahan kewangan Kos Pembangunan Kasar (*Gross Development Cost - GDC*) daripada RM23 bilion kepada

RM14 bilion serta mengurangkan pergantungan kepada geran kerajaan.

5.3 Keterangan YBhg. Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Sharif (KPE PR1MA)

YBhg. Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Sharif memaklumkan bahawa apabila *Transformasi Blueprint 2018-2020* mula dilaksanakan, PR1MA mendapati antara beban atau masalah adalah GDC yang terlalu besar, di mana tanah-tanah yang dibeli telah dibayar tetapi kos pembinaan masih belum dibayar. Pada tahun 2018, 94 projek masih lagi dalam perancangan dan sekiranya diteruskan akan menyebabkan pendedahan kewangan (*financial exposure*) kepada PR1MA dan kerajaan sebanyak RM34 bilion.

PR1MA perlu mengurangkan *financial exposure* kerana kerajaan tidak lagi mampu untuk meneruskan bantuan kepada PR1MA dengan geran *Development Expenditure* (DE). Dengan model perniagaan lama yang bersifat *delivery-driven*, beban dan tanggungjawab adalah terlalu besar untuk PR1MA membeli tanah, meneruskan pembayaran pembinaan, serta menjual unit-unit. Setelah mengenalpasti risiko penjualan sebagai satu risiko yang amat penting, PR1MA telah menukar model perniagaan kepada *sales-driven* di bawah Pelan Rasionalisasinya.

Bermula tahun 2019, PR1MA telah mengenalpasti projek-projek yang berdaya saing dan berdaya maju untuk diteruskan. Sejumlah 65 projek telah dikenalpasti untuk diteruskan. Perjanjian-Perjanjian Tambahan telah ditandatangani untuk meneruskan projek dan

mengikat kontraktor mengambil alih tanggungjawab untuk penjualan kerana hasil jualan tersebut yang akan digunakan bagi tujuan pembiayaan projek. PAC dimaklumkan bahawa sebanyak 80 peratus projek daripada keseluruhan 65 projek telah menandatangani Perjanjian-Perjanjian Tambahan tersebut.

5.4 PENEMUAN PAC PARLIMEN

Penemuan PAC Parlimen adalah seperti berikut:

5.4.1 Faedah Kelewatan Bayaran Projek

5.4.1.1 Kekangan Aliran Tunai

PAC telah dimaklumkan dengan perkara-perkara berikut:

- i. **YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan (KSU KPKT) dalam prosiding Bil. 2(b) / 2021 bertarikh 11 Januari 2021** menjelaskan bahawa masalah aliran tunai yang dihadapi oleh PR1MA adalah disebabkan oleh kos pembangunan bagi projek yang dilaksanakan berbanding geran pembangunan yang disalurkan tidak seperti perancangan asal. Jualan hartanah pembangunan juga kurang memberangsangkan di peringkat awal.

PR1MA pada awal penubuhannya menggunakan model perniagaan berbentuk *delivery-driven* dan mempunyai kebergantungan kepada dana kerajaan. Pada tahun 2013,

PR1MA bergantung sepenuhnya pada geran pembangunan kerana tidak ada hasil jualan. PR1MA menerima RM510 juta daripada RM1.3 bilion geran pembangunan diumumkan oleh Kerajaan untuk menampung kos pembangunan berjumlah RM272 juta.

Kos pembangunan meningkat pada tahun 2014 berikutan pelantikan kontraktor dan projek yang terus berjalan dan kos pembangunan telah berjumlah RM2.3 bilion pada tahun 2015 dan 2016. Kerajaan telah meluluskan sukuk dan hasil jualan baharu bermula pada tahun 2016 berjumlah RM25 juta. Pada tahun 2017, tiada lagi pemberian geran oleh Kerajaan dan kos pembangunan telah meningkat kepada RM3.4 bilion.

- ii. **YBhg. Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff (KPE PR1MA)** dalam prosiding Bil. 2(b) / 2021 bertarikh 11 Januari 2021 menjelaskan bahawa GDC PR1MA sebelum memulakan *Transformasi Blueprint 2018-2020* adalah terlalu besar di mana PR1MA tidak lagi mampu untuk menampung kos pembinaan setelah pembayaran dibuat bagi tanah-tanah yang dibeli.

PR1MA yang menggunakan model perniagaan berbentuk *delivery-driven* pada ketika itu memegang tanggungjawab pembelian tanah, pembayaran kos pembinaan dan penjualan unit-unit perumahan. Kontraktor hanya bertanggungjawab untuk menyiapkan pembinaan unit-unit tersebut.

Pada awal penubuhan PR1MA, projek terus dilaksanakan tanpa mengira penerimaan peruntukan yang tidak seperti dirancang dan

jualan yang tidak memberangsangkan. Walau bagaimanapun, projek pembinaan tetap diteruskan seperti perancangan awal tanpa mengira keadaan semasa PR1MA. Pada akhir tahun 2018, tunggakan pembayaran kepada kontraktor telah mencecah RM1.16 bilion.

5.4.1.2 Kekurangan usaha wajar (*due diligence*) oleh PR1MA

- i. **YBrs. Encik Jayaselan a/l K. Navaratnam (KP JPN, KPKT) dalam prosiding Bil. 2(b) / 2021 bertarikh 11 Januari 2021** menjelaskan bahawa kerajaan telah menetapkan 500,000 unit untuk dijual berdasarkan jumlah permohonan dalam sistem yang mencecah 1 juta permohonan. Kerajaan pada ketika itu hanya berpandukan nombor dan jumlah permohonan sahaja. Walau bagaimanapun, tiada jaminan bahawa kesemua pemohon yang telah memohon di dalam sistem bertujuan untuk membeli unit-unit yang ditawarkan.

Pada awal penubuhan PR1MA, kajian kebolehlaksanaan tidak dijalankan. Tinjauan pasaran dalam menentukan harga pasaran juga tidak dijalankan.

Lebih kurang 70% daripada 94 projek PR1MA melibatkan tapak dan tanah yang dicadangkan oleh kontraktor. Kontraktor-kontraktor berkaitan selalunya mempunyai perniagaan projek pembangunan sendiri.

YBrs. Encik Jayaselan a/l K. Navaratnam menyatakan “*So, they proposed the locations, they proposed the land, then they become the contractors*”.

Beliau juga bersetuju apabila dicadangkan oleh PAC seperti berikut:

“Tuan Pengerusi: Sebelum tahun 2018, from the modus operandi that i can see ... most of the contractors are actually the pemilik tanah kan?”

Encik Jayaselan a/l K. Navaratnam: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: So, that means basically the developer will have certain pieces of lands which they do not want to develop. PR1MA comes in, they go to PR1MA then without any risk, they go and build the whole block 360 units and there is En-Bloc Purchase Agreement by PR1MA, PR1MA kena beli dan PR1MA kena sell. So there is no risk on the contractor’s part, I will say so. Is it right?”

Encik Jayaselan a/l K. Navaratnam: Agreed.”

[Hansard Bil. 2(b)/2021 bertarikh 11 Januari 2021, muka surat 20]

Berdasarkan MEBPA, PR1MA bertanggungjawab sebagai pemaju di mana perkara berkaitan permohonan permit pengiklanan dan lesen pemaju adalah dipegang oleh PR1MA. Projek akan dicadangkan oleh pemilik asal tanah dan yang juga akan bertanggungjawab sebagai kontraktor untuk menjalankan

pembinaan bagi unit-unit di atas tanah yang telah dicadangkan. Unit-unit tersebut akan dibeli sepenuhnya oleh PR1MA.

- ii. **YBrs. Encik Zulkarnain bin Zainuddin (Ketua Pembangunan PR1MA) dalam prosiding Bil. 2(b) / 2021 bertarikh 11 Januari 2021** menjelaskan bahawa pada awal penubuhan PR1MA, tanah-tanah yang ditawarkan oleh Kerajaan adalah kurang sesuai. PR1MA telah membuka tawaran kepada pemaju atau kontraktor lain. PR1MA telah memperolehi beberapa tapak projek daripada pajakan Tanah Persekutuan dan pada masa yang sama telah menerima lebih 1,000 cadangan daripada pemaju atau kontraktor lain.

Cadangan-cadangan tersebut telah melalui proses seperti lawatan tanah, penilaian tanah dan penilaian pasaran. Kemudian, satu Jawatankuasa dalaman PR1MA akan membuat semakan ke atas kebolehlaksanaan projek-projek tersebut sebelum diserahkan kepada MOC untuk menentukan sama ada projek-projek tersebut akan diteruskan atau sebaliknya.

5.4.1.3 Pemberian Perlanjutan Masa (EOT) kepada kontraktor tanpa tuntutan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD)

PR1MA telah memberikan EOT kepada kontraktor bagi dua buah projek iaitu Residensi Alor Gajah dan Residensi Parit Melana. Dalam masa yang sama PR1MA telah menolak hak bagi mendapatkan LAD berjumlah RM91.9 juta daripada pihak kontraktor.

PAC telah dimaklumkan akan perkara-perkara berikut:

- i. **YBrs. Encik Zulkarnain bin Zainuddin (Ketua Pembangunan PR1MA) dalam prosiding Bil. 2(b) / 2021 bertarikh 11 Januari 2021** menjelaskan bahawa EOT yang telah diberikan kepada kontraktor adalah berikutan kegagalan dari pihak PR1MA untuk melunaskan bayaran menyebabkan kelewatan untuk menyelesaikan projek. PR1MA juga telah dikenakan tindakan di bawah CIPAA oleh pihak kontraktor akibat kelewatan pembayaran tersebut.

Meskipun PR1MA tidak menuntut LAD daripada pihak kontraktor namun setelah dikenakan tindakan CIPAA, pihak kontraktor telah bersetuju untuk mengurangkan bayaran CIPAA dan faedah kelewatan setelah perundingan dilakukan.

Encik Zulkarnain bin Zainuddin telah memberikan jawapan seperti di bawah:

“Tuan Pengerusi: ... Persoalan di sini adalah kenapakah apabila PR1MA berhak untuk mendapatkan LAD, PR1MA let go ataupun waived kan hak dia sebegitu sahaja? Apabila kita sampai kepada satu isu apabila PR1MA dikehendaki untuk membayar faedah lewat, kita kena bayar juga. So, apakah penjelasan daripada PR1MA berkenaan dengan ini?...”

Encik Zulkarnain bin Zainuddin: ... when we did this project, we had to give EOT because kita tidak boleh bayar...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: ... does this mean that the delay on the part of the contractor was a result of our delay in our progress payment to them?

Encik Zulkarnain bin Zainuddin: Yes, basically that's it ... Kita sudah mengaku kita yang salah..."

[Hansard Bil. 2(b)/2021 bertarikh 11 Januari 2021, muka surat 22]

ii. YBrs. Encik Jayaselan a/l K. Navaratnam (KP JPN, KPKT) dalam prosiding Bil. 2(b) / 2021 bertarikh 11 Januari 2021

Encik Jayaselan a/l K. Navaratnam memberikan ulasan yang sama apabila diajukan soalan:

"Dato' Jalaluddin bin Alias: ... ada dua kes, dua situations yang berbeza. Satu, CIPAA ... dan satu lagi cost of LAD. So, meaning to say, based on saya punya pemahaman, dia ambil action of the non-payment or late payment exercise itu, maka yang itu dia sudah buat, okey. That is dia punya hak, their rights. Then, our rights, PR1MA punya rights, kenapa you tidak ambil? Why must you release that LAD macam itu sahaja, Kalau dia sudah charged you, you charge them-lah"

Encik Jayaselan a/l K. Navaratnam: ... We have to understand the definition of EOT here is slightly different... So, because i have given you the EOT, does not mean that the developer cannot charge the LPI, because here the EOT is given for me to extend

the time frame for completing the project only. The EOT has no equation to the LPI.

Tuan Pengerusi: ... the key question is, also from the Audit, why did you give the EOT? If you never gave the EOT, then the RM90 million will be in the pocket for you to offset this RM50 over million... That is why my question is, apabila kita membuat keputusan untuk bagi EOT kepada kontraktor, patut at the same time, kita negotiate berkenaan dengan late payment semua ini..."

[Hansard Bil. 2(b)/2021 bertarikh 11 Januari 2021, muka surat 23 hingga 24]

- iii. **YBhg. Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff (KPE PR1MA)** dalam prosiding Bil. 2(b) / 2021 bertarikh 11 Januari 2021 menyatakan PR1MA telah berhadapan dengan 16 kes CIPAA disebabkan oleh kegagalan pembayaran atau kelewatan pembayaran. Oleh itu, PR1MA telah berusaha untuk berunding bagi mengurangkan jumlah bayaran CIPAA.

5.4.1.4 LKAN Tahun 2019

LKAN Tahun 2019 antara lain telah mendapati tiada klausa dalam kontrak berkaitan tempoh akhir kontraktor dan tuan tanah boleh membuat tuntutan faedah atas kelewatan pembayaran oleh PR1MA di mana pihak JAN mendapati tuntutan hanya dibuat selepas kontrak dibatalkan.

5.5 STATUS TERKINI PR1MA

- i. **YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan (KSU KPKT)** dalam prosiding Bil. 2(b) / 2021 bertarikh 11 Januari 2021 menjelaskan bahawa PR1MA telah melaksanakan model perniagaan baharu berbentuk *sales-driven* sejak tahun 2019. PR1MA telah membuat pindaan ke atas MEBPA melalui Perjanjian-Perjanjian Tambahan dan pembaikan model usaha sama (*joint venture*). Melalui rasionalisasi yang telah dijalankan, PR1MA telah berjaya mengurangkan pendedahan kewangan (*financial exposure*) dan PR1MA juga berjaya mengurangkan kebergantungan kepada geran kerajaan.

Pada tahun 2018, PR1MA telah menerima semula geran pembangunan sebanyak RM500 juta dan kemudiannya pada tahun 2019 sebanyak RM740 juta. Pada tahun 2019, jualan unit-unit PR1MA telah meningkat seiring dengan pelaksanaan rasionalisasi, dengan hasil jualan berjumlah RM1.9 bilion berbanding kos pembangunan sebanyak RM1.1 bilion. Pada tahun 2021, kos pembangunan dijangka adalah sebanyak RM1.2 bilion manakala hasil jualan dijangka mencapai RM1.9 bilion.

Berikut merupakan perbandingan kos pembangunan, geran pembangunan, sukuk dan GGRC-i dan hasil jualan yang diperolehi oleh PR1MA dari tahun 2013 hingga 2021 (anggaran).

RM' juta	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Kos Pembangunan	272	953	1,964	2,337	3,419	3,306	2,126	1,082	1,251
Geran Pembangunan (Diumumkan)	1,300	1,000	1,300	1,620	-	1,500	100	1	-
Geran Pembangunan (Disalurkan)	510	445	1,330	1,620	-	500	100 – Mar 640 - Dec	1	-
Sukuk & GCRC-i	-	-	230	1,500	2,050	1,220	-	-	-
Hasil Jualan	-	-	-	25	374	830	1,030	1,903	1,970

Sumber: Slaid Pembentangan Prosiding PR1MA

- ii. **YBhg. Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff (KPE PR1MA)** dalam prosiding Bil. 2(b) / 2021 bertarikh 11 Januari 2021 menjelaskan bahawa bermula tahun 2019, PR1MA telah berjaya mengenal pasti projek yang berdaya saing dan berdaya maju untuk diteruskan. Oleh itu, sebanyak 65 projek daripada keseluruhan 94 projek telah diputuskan untuk diteruskan. Perjanjian tambahan telah ditandatangani bagi 80 peratus daripada projek-projek yang diteruskan. Sehubungan dengan ini, kontraktor telah menerima model perniagaan baharu PR1MA dan bersetuju bertanggungjawab memastikan unit-unit di bawah projek yang dibangunkan dapat dijual dan juga bersetuju bahawa hasil jualan akan digunakan untuk menanggung kos projek.

- iii. YBrs. Encik Jayaselan a/l K. Navaratnam (KP JPN, KPKT)**
dalam prosiding Bil. 2(b) / 2021 bertarikh 11 Januari 2021
menjelaskan bahawa pada tahun 2019, PR1MA telah melaksanakan perubahan iaitu mewajibkan setiap permohonan untuk membayar deposit sebanyak RM500. PR1MA juga telah melaksanakan usaha wajar (*due diligence*) yang lebih baik dengan menetapkan diskaun mengikut pasaran tempatan setiap projek.



**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN**

6. RUMUSAN PAC PARLIMEN

Secara keseluruhan PAC Parlimen merumuskan perkara-perkara berikut:

- 6.1 PR1MA menghadapi masalah aliran tunai apabila berlakunya kekangan peruntukan Kerajaan yang diterima melalui geran pembangunan serta jualan hartanah pembangunan yang perlahan. Hal ini telah menyebabkan kelewatan pembayaran oleh PR1MA kepada kontraktor-kontraktor.
- 6.2 PR1MA telah dikenakan faedah atas kelewatan berjumlah RM53.72 juta oleh kontraktor dan tuan tanah bagi lima (5) projek yang dibatalkan iaitu Projek Residensi Parit Melana, Residensi Alor Gajah, Residensi Batu Feringgi, Residensi Batu Rakit dan Residensi Kota Marudu 2. Ini adalah berdasarkan terma dan syarat MEBPA yang telah ditandatangani antara PR1MA dan pihak kontraktor yang mana JAN telah mendapati ia tidak melindungi kepentingan PR1MA.
- 6.3 PR1MA telah memberikan EOT kepada kontraktor bagi dua (2) projek iaitu Residensi Alor Gajah dan Residensi Parit Melana tanpa justifikasi yang kukuh. PR1MA telah tidak menuntut haknya untuk mendapatkan LAD berjumlah RM91.9 juta di mana jumlah tersebut sepatutnya boleh digunakan sebagai *set-off* terhadap tuntutan daripada pihak kontraktor.
- 6.4 Model perniagaan PR1MA sebelum pelaksanaan *Transformation Blueprint 2018-2020* iaitu secara *delivery-driven* adalah tidak berkesan. Juga terdapat kekurangan usaha wajar (*due diligence*) oleh PR1MA dalam perancangan projek termasuk pemilihan lokasi

dan tapak serta keperluan pasaran. Kebanyakan lokasi dan tapak adalah dicadangkan oleh kontraktor yang juga merupakan pemilik tapak yang berkenaan dan tidak memihak kepada kepentingan PR1MA.

- 6.5 Pelan Rasionalisasi Projek PR1MA (di bawah *Transformation Blueprint 2018-2020*) yang dilaksanakan pada tahun 2019 telah mengurangkan pendedahan kewangan Kos Pembangunan Kasar (*Gross Development Cost - GDC*) daripada RM23 bilion kepada RM14 bilion serta mengurangkan pergantungan kepada geran kerajaan.
- 6.6 Selanjutnya, PR1MA telah mengambil langkah untuk memperbaharui model perniagaan secara *sales-driven* dan menandatangani Perjanjian-Perjanjian Tambahan (*Supplemental Agreements*) untuk menambah baik MEBPA yang membantu dalam memperbaiki penjualan dan sekaligus menambah baik keadaan semasa kewangan PR1MA. Jualan unit-unit PR1MA telah meningkat seiring dengan pelaksanaan Pelan Rasionalisasi Projek PR1MA dan mencecah hasil jualan berjumlah RM1.9 bilion pada tahun 2020.

7. SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan perkara-perkara berikut:

- 7.1 Semua dasar kerajaan bagi penyediaan kediaman mampu milik untuk rakyat hendaklah bersifat lestari dan mampan (*sustainable*) serta

mempunyai perancangan pembiayaan yang baik daripada segi peruntukan / geran Kerajaan.

- 7.2 Wakil Kementerian yang hadir sebagai anggota perbadanan atau ahli Lembaga mana-mana agensi persekutuan perlu memainkan peranan yang lebih proaktif bagi memastikan dasar dilaksanakan mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan serta selari dengan halatuju Kementerian.
- 7.3 Semua perjanjian yang dimeterai oleh agensi Kerajaan hendaklah mengguna pakai amalan terbaik yang sentiasa melindungi kepentingan Kerajaan.
- 7.4 Agensi Kerajaan hendaklah menguatkuasakan segala remedi yang diperuntukkan di bawah mana-mana perjanjian yang ditandatangani. PR1MA tidak seharusnya mengeneipkan haknya untuk mendapatkan LAD berjumlah RM91.9 juta di mana jumlah tersebut sepatutnya boleh digunakan sebagai *set-off* terhadap tuntutan daripada pihak kontraktor.
- 7.5 PR1MA wajib melaksanakan usaha wajar (*due diligence*) dalam pembinaan kediaman mampu milik daripada segi kesesuaian lokasi, saiz rumah dan kehendak pasaran untuk mengelakkan lambakan hartanah yang tidak terjual dan kerugian geran yang diberikan Kerajaan.
- 7.6 PR1MA hendaklah mengutamakan ketelusan dalam urusannya dengan kontraktor dan pemilik tanah dalam pemilihan tapak dan lokasi pembangunan bagi mengelakkan projek yang dibangunkan menjadi *contractor driven*.

7.7 PR1MA hendaklah meneruskan *Transformation Blueprint 2018-2020* dan Pelan Rasionalisasi PR1MA yang berpandukan model perniagaan yang berdaya maju dalam mengukuhkan hala tuju penubuhan PR1MA.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



**AGENDA MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN**

- ❖ **Bil. 2(a)/2021 pada Isnin, 11 Januari 2021**
- ❖ **Bil. 2(b)/2021 pada Isnin, 11 Januari 2021**

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 2(a) TAHUN 2020
BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<p>11 Januari 2021 (Selasa)</p> <p>10.30 pagi</p>	<p>Prosiding Bil. 2(a) Tahun 2021: Prosiding berhubung Tuntutan Faedah Atas Kelewatan Bayaran Projek Perumahan PR1MA</p>	<p>Jabatan Audit Negara (JAN):</p> <p>(i) YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara</p>

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 2(b) TAHUN 2020
BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<p>11 Januari 2021 (Selasa)</p> <p>11.00 pagi</p>	<p>Prosiding Bil. 2(b) Tahun 2021: Prosiding berhubung Tuntutan Faedah Atas Kelewatan Bayaran Projek Perumahan PR1MA</p>	<p>Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT):</p> <p>(i) YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha</p>

LAPORAN PROSIDING

- ❖ **Bil. 2(a)/2021 pada Isnin, 11 Januari 2021**
- ❖ **Bil. 2(b)/2021 pada Isnin, 11 Januari 2021**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Isnin, 11 Januari 2021

Bil. 2 (a) / 2021

MESYUARAT
**JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Prosiding Mengenai:
Tuntutan Faedah atas Kelewatan Bayaran Projek
Perumahan PR1MA**

Jabatan Audit Negara

**PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
ISNIN, 11 JANUARI 2021
10.30 PAGI**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]
YB. Dato' Jalaluddin bin Alias [Jejebu]
YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Puan Kartina binti Zamhari [Pengarah Audit Kewangan I, Sektor Audit Kewangan]
Puan Hely Herlyna binti Mohd Kassim [Ketua Penolong Pengarah (Audit Kewangan I), Sektor Audit Kewangan]
Puan Shafinas binti Sazali [Penolong Pengarah (Audit Kewangan I), Sektor Audit Kewangan]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Kementerian Kewangan**

Encik Abd Razak bin Abdullah [Timbalan Setiausaha Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi]

Encik Muhammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (Seksyen Parlimen dan Kawalan Pemantauan) II, Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi]

Jabatan Peguam Negara

Encik Abdul Aziz bin Engan [Ketua Unit Projek Khas dan Jawatankuasa Khas/Majlis Khas, Bahagian Penasihat]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Puan Salwa binti Muharam [Timbalan Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan]

Jabatan Akauntan Negara

Cik Azma binti Jusoh [Timbalan Pengarah (Seksyen Pengurusan Perakaunan Amanah) Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]

Unit Perancang Ekonomi

Encik Mohd Zulkifli bin Harun [Timbalan Pengarah (Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Bahagian Perkhidmatan Sosial]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan)]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan [Ketua Setiausaha]

Encik Jayaselan a/l K. Navaratnam [Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara]

Encik Mas Rizal bin Mohd Hilmi [Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perumahan Negara]

Tuan Ahmad Zafwan bin Sulaiman [Ketua Penolong Pengarah Jabatan Perumahan Negara]

Perbadanan PR1MA Malaysia

Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff [Ketua Pegawai Eksekutif]

Encik Zulkarnain bin Zainuddin [Ketua Pembangunan]

Encik Khalid bin Ramli [Ketua Perkhidmatan Korporat]

Encik Zahran bin Tasliman [Ketua Audit]

Encik Azhar Ahmad Zaki [Ketua Kewangan]

Encik Afiq Syarifuddin bin Ahmad Nazari [Ketua Pengurusan Pembangunan]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KETIGA

Isnin, 11 Januari 2021

Bilik Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.30 pagi

[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Pengerusi: Salam sejahtera, selamat pagi dan selamat datang saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen. Yang Berbahagia Tuan Nizam Mydin Bacha Mydin, Setiausaha PAC merangkap Setiausaha Dewan Rakyat, terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada pagi ini. Juga selamat pagi saya ucapkan kepada wakil tetap atau ex-officio kita dari agensi JPA, JAN, MOF, SPRM dan Unit Perancang Ekonomi.

Saya difahamkan bahawa sebagai satu tindakan untuk membendung pandemik COVID-19, bilik ini kita telah hadkan untuk 31 kehadiran sahaja. Maka, wakil daripada ex-officio adalah dihadkan untuk satu orang satu jabatan. Ini untuk makluman semua.

Sebelum kita memulakan prosiding pada pagi ini, saya juga ingin memaklumkan dan mendapatkan kepastian daripada ahli-ahli sekalian. Memandangkan peningkatan kes-kes COVID-19 yang serius khususnya di kawasan Selangor dan Kuala Lumpur dan juga memandangkan mungkin ada pengumuman yang akan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari ini berkenaan dengan tindakan-tindakan berkenaan SOP yang lebih ketat yang akan dikenakan, maka saya cadangkan kepada mesyuarat ini supaya prosiding-prosiding setelah hari ini iaitu bermula pada hari esok dengan prosiding-prosiding pada minggu depan kita lapangkan tarikh-tarikh tersebut dan kita akan tetapkan tarikh yang lain. Boleh setuju ya? Okey, sekretariat akan memaklumkan kepada saksi-saksi berkenaan.

Saya telah pun berbincang dengan sekretariat dan seperti yang saya telah masukkan dalam *WhatsApp group*, mungkin pada bulan Februari nanti kita boleh buat mesyuarat secara *virtual*, secara *online* dengan membincangkan berkenaan dengan maklum balas daripada jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi untuk laporan-laporan yang telah pun kita bentangkan di Dewan Rakyat pada bulan November dan Disember yang lepas. So, itu kita boleh buat secara *online*.

Bagi prosiding, setakat ini, pendirian saya, saya lebih gemar untuk mengadakan prosiding supaya saksi datang ke hadapan kerana ini adalah satu cara untuk kita

memahami kes dengan lebih lanjut dan mendapatkan jawapan yang lebih tepat daripada saksi-saksi berkenaan. Walau bagaimanapun, kita boleh ubah pendirian kita dari semasa ke semasa *to suit the situation*.

Namun, segala-galanya hendaklah tertakluk kepada persetujuan daripada Tuan Yang di-Pertua dan juga tertakluk kepada pematuhan segala undang-undang ataupun *Standing Order* yang terlibat.

Maka dengan itu, pada pagi ini, PAC Parlimen akan memulakan prosiding untuk satu kes yang baharu iaitu prosiding berhubung tuntutan faedah atas kelewatan bayaran Projek Perumahan PR1MA di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta PR1MA secara keseluruhan.

Sebelum kita memanggil saksi daripada KPKT yang diwakili oleh KSU dan juga Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PR1MA masuk jam 11 pagi nanti, Jawatankuasa ini akan mendengar dahulu penjelasan lanjut daripada Jabatan Audit Negara. Hadir di hadapan kita bagi pihak Ketua Audit Negara adalah Yang Berusaha Puan Kartina Zamhari, Pengarah Kewangan I, Jabatan Audit Negara dan Puan Hely Herlyнна Mohamad Kasim, Ketua Penolong Pengarah Audit.

Seperti yang kita sedia maklum, isu ini dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2019 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Disember 2020, pada sidang yang lepas.

Maka tanpa membuang masa, saya dengan ini menjemput Puan Kartina dan pegawai-pegawai untuk membentangkan dengan lebih lanjut berkenaan dengan isu ini serta tindakan kementerian seperti yang terdapat dalam paparan AG *dashboard*. Silakan, Puan. Sekian.

Puan Kartina binti Zamhari [Pengarah Audit Kewangan I, Sektor Audit Kewangan, Jabatan Audit Negara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh and very good morning.* Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada kami untuk *just recap* balik apa yang kita telah bangkitkan dalam LKAN sebelum ini.

Mungkin kita *recall*. Audit yang dibuat terhadap tuntutan faedah atas kelewatan bayaran projek perumahan adalah dibuat terhadap agensi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu PR1MA yang mana telah diwujudkan pada tahun 2013 dan telah melaksanakan projek untuk merancang, membangun, membina dan menyenggara perumahan berkualiti tinggi di bandar-bandar utama. Sejak itu, mereka telah melaksanakan 94 buah projek perumahan yang bernilai RM23.04 bilion iaitu sehingga tahun 2018.

Dalam tahun 2018 di mana rasionalisasi dibuat terhadap projek-projek ini yang mana agak tidak memberangsangkan, keputusan daripada Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA Bilangan 46 iaitu pada 19 Februari 2019 telah memutuskan untuk membatalkan 29 daripada 94 buah projek ini. Jumlah 29 ini adalah bernilai RM8.035 bilion. Kita telah mendapat kemas kini keadaan semasa iaitu sehingga 31 Disember 2020 di mana 32 ada tambahan projek lagi yang telah dibatalkan dan diputuskan untuk dibatalkan iaitu sekarang ini jumlahnya adalah 32 buah projek.

Okey, saya mungkin cuma hendak mengemaskinikan sahaja sebab kita telah bentangkan dengan detil. Perlu bentang keseluruhan kah, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya, sila. Bentang keseluruhan bermaksud?

Puan Kartina binti Zamhari: Maksudnya saya perlu *go through the slides* lagi kah ataupun *I just update* sahaja?

Tuan Pengerusi: *I think just* buat *update*-lah. Slaid ini adalah lebih kurang sama dengan...

Puan Kartina binti Zamhari: Ya, ya, betul.

Tuan Pengerusi: *And your audit report is only like four pages.*

Puan Kartina binti Zamhari: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Ya, senang. Okey, mungkin bagi *update*-lah.

Puan Kartina binti Zamhari: Ya. Yang kita telah laporkan sebelum ini adalah 29 buah projek yang dibatalkan dan ada lima di antaranya telah disampelkan ataupun telah dibuat audit. Kelima-lima itu adalah di mana *mutual termination agreement* iaitu *settlement agreement* telah dibuat terhadap lima daripada 29 buah projek tersebut.

Lima di antaranya telah kita kira bahawa kelewatan terhadap bayaran interim yang mana menyebabkan pihak PR1MA kena bayar faedah kelewatan tersebut nilainya telah mencapai RM53.72 juta. Dalam RM53.72 juta tersebut, RM47.57 juta iaitu bagi empat buah projek yang, seperti dalam layar tersebut, telah dibayar. Kemudian, RM6.15 juta itu *pending* ya.

Dalam pada itu, seperti saya sebut tadi, pada 31 Disember 2020, ada lagi tambahan dua buah projek yang melibatkan *Late Payment Interest (LPI)* berjumlah RM6.52 juta. Maka, kalau kita kira jumlah faedah atas kelewatan tersebut, ia sudah berjumlah RM60.24 juta. Dengan...

Tuan Pengerusi: Puan, hendak dapatkan penjelasan.

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Tuan Pengerusi: Tambahan RM6.52 juta itu adalah di luar daripada lima buah projek ini atau...

Puan Kartina binti Zamhari: Ya, di luar daripada lima projek.

Tuan Pengerusi: So, maksudnya ada—sebelum ini, sekiranya kalau saya tidak silap, apabila pembentangan oleh Ketua Audit Negara, beliau menyatakan audit dibuat atas lima buah projek ini...

Puan Kartina binti Zamhari: Ya, lima.

Tuan Pengerusi: ...Daripada 29 buah projek yang terlibat.

Puan Kartina binti Zamhari: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: So, soalan saya. Selain daripada lima buah projek ini yang masa itu jumlahnya 29? So, *what about the 24 balances?* Sama ada isu ini ada terbangkit atau tidak? Jawapan yang saya dapatkan tadi mungkin ada tetapi kerana audit tidak dibuat untuk dimasukkan dalam projek-projek itu, maka tidak ada jawapan.

■1040

Puan Kartina binti Zamhari: Kita buat kemas kini sehingga 31 Disember 2020. So, semasa kita buat audit, hanya lima sahaja MTA ditandatangani, *which is the mutual termination agreement to settle whatever*, apa-apa yang tersangkut di situ seperti tuntutan pihak kontraktor dan juga apakah obligasi di pihak PR1MA. Akan tetapi, sehingga 30 Disember juga, ada 19 MTA daripada lima itu sudah menjadi 19 MTA. So, MTA yang bertambah adalah 14, jumlahnya menjadi 19 MTA.

Daripada 19 MTA ini, yang melibatkan *Late Payment Interest* iaitu faedah lewat terhadap bayaran interim adalah tujuh iaitu lima yang kita telah audit dan dua tambahan. So, dua tambahan itu telah diputuskan nilainya RM6.52 juta.

Tuan Pengerusi: Okey, jelas.

Puan Kartina binti Zamhari: *All right.*

Tuan Pengerusi: So, daripada sembilan sebanyak 19 telah membuat *mutual termination agreement?*

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Tuan Pengerusi: Bagaimanakah dengan yang 10 lagi? So, we bagi *cut-off date*, seperti yang dinyatakan dalam laporan audit, 29. Bagaimanakah dengan 10 perjanjian itu? So, belum ada lagi *mutual termination agreement* dan tidak pasti sama ada *late interest* terbangkit atau tidak. Betul?

Puan Kartina binti Zamhari: Okey, jawapan kepada soalan tersebut, Yang Berhormat. Ada dua kes dibawa ke mahkamah. So, ada dua. Dan dua tarik diri iaitu tidak mahu *proceed*, tidak mahupun hendak berbincang apa-apa. Ada dua tarik diri. *Meaning to say*, tidak akan ada MTA ditandatangani kemudiannya, selepas itu.

Tuan Pengerusi: So, tarik diri dari *negotiation for settlement* atau tarik diri daripada projek itu?

Puan Kartina binti Zamhari: Projek. Tarik diri *totally* daripada projek.

Tuan Pengerusi: So...

Puan Kartina binti Zamhari: Sebab dia tidak mula lagi pun.

Tuan Pengerusi: *Okay. So that means contractor ataupun landowner, dia kata "Okay-lah, I give up, tak nak"?*

Puan Kartina binti Zamhari: Yes.

Tuan Pengerusi: So, itu sahaja?

Puan Kartina binti Zamhari: Ya. Itu *advantage* kepada PR1MA lah. So, ada lima lagi menunggu keputusan lembaga iaitu untuk sama ada hendak *proceed* dengan MTA atau tidak. So, totalnya 32 as at 31 Disember 2020.

Tuan Pengerusi: Tadi kita ada kata 19 yang telah menandatangani MTA.

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Tuan Pengerusi: Dua telah diheret ke mahkamah?

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Tuan Pengerusi: Dua *settle* secara tarik diri?

Puan Kartina binti Zamhari: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Lima menunggu keputusan lembaga. So, 19 tambah sembilan, 28 sahaja, Puan.

Puan Kartina binti Zamhari: Ya, 28.

Tuan Pengerusi: Ada empat lagi.

Puan Kartina binti Zamhari: Puan Hely, sambung.

Puan Hely Herlyнна binti Mohd Kassim [Ketua Penolong Pengarah (Audit Kewangan I), Sektor Audit Kewangan, Jabatan Audit Negara]: Tuan Pengerusi, untuk 31 projek yang dibatalkan ini, dia punya pecahan ialah dua dalam tindakan mahkamah, dua tarik diri, 23 telah lulus *board*, yang mana dalam 23 lulus *board* ini, 19 MTA telah ditandatangani dan lima masih menunggu kelulusan *board*.

Tuan Pengerusi: So, 23 lulus *board*? 19 MTA? So, maksudnya ada empat *pending* MTA ditandatangani?

Puan Hely Herlyнна binti Mohd Kassim: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: Okey, jelas.

Puan Kartina binti Zamhari: Okey, boleh saya teruskan, Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Puan Kartina binti Zamhari: Okey, itu setakat *update* mengenai angka-angka ya, Yang Berhormat. Kita juga dapat maklumat terkini di mana pihak PR1MA telah datang ke Jabatan Audit Negara bila mana *exit* terhadap penyata kewangan dibuat dan pihak PR1MA telah menunjukkan atas tindakan positif terhadap Laporan Ketua Audit Negara, mereka telah membuat rancangan ke hadapan, *the way forward*, di mana dia telah berkongsi bersama, mungkin dia akan kongsi bersama juga hari ini, terhadap

action plan dia, di mana mereka telah mencuba untuk menjual, membuat tindakan untuk *expedite* penjualan rumah-rumah.

Disebabkan apabila kita membangkitkan kenapa *termination* dibuat, pembatalan dibuat, dia kata sebab, satu, jualan rumah adalah sangat lembap dan keduanya adalah kekangan kewangan untuk membayar.

Untuk makluman pihak PAC juga, apabila kita merujuk kepada keadaan kewangan mereka, memang PR1MA sejak tahun 2013 apabila mula beroperasi, tahun 2016 dia sudah mula mempunyai defisit terhadap penyata kewangannya. Sehingga tahun 2019, mereka telah mengalami kerugian di mana kos jualan tidak berapa *balance* dengan kos-kos untuk pembangunan perumahan tersebut. Hujung harinya, dia mengalami defisit.

So, mungkin itu antara satu sebab yang menyebabkan dia lambat hendak membayar. Tetapi lambat hendak membayar pun, bila mana kita mengaudit, kita laporkan dia punya kelewatan sehingga beribu-ribu hari *delay* dia. Ia antara lima hingga 1,192 hari kelewatan tersebut.

Jadi, kita punya syor kepada mereka adalah sekiranya obligasi untuk membayar kontraktor apabila kemajuan telah dilaksanakan, maka hendaklah dibuat secara *timely*. Sebab masa telah dibuat ada 45 hari sebenarnya tempoh yang diberikan untuk semakan dan sebagainya. *However*, kelewatan tersebut dikira selepas 45 hari itu adalah lima hingga 1,192 hari yang mana perlu dibuat penambahbaikan.

Kita juga difahamkan dalam pada mereka menyelesaikan pembatalan seterusnya, mereka telah mengambil kira syor-syor Audit iaitu untuk mengambil kira kepentingan kerajaan, kepentingan pihak PR1MA. Di mana dalam perjanjiannya, LAD adalah hak di pihak PR1MA dan faedah terhadap interim adalah hak di pihak kontraktor yang boleh dituntut.

Akan tetapi, dalam pada kita melihat lima projek yang telah dilaporkan tersebut, tiada LAD pernah dituntut oleh pihak PR1MA. Sedangkan dalam kes di mana dijual balik kepada satu kontraktor bagi projek Alor Gajah dan Parit Melana 1 dan 2 itu, kiraan LAD kalau dikenakan *for the delay* untuk kelewatan kemajuan projek, dia sudah kira sebanyak RM91 juta. Oleh sebab pada ketika itu apabila kelewatan itu berlaku, pihak PR1MA memberi kelulusan untuk EOT. Apabila EOT telah diberi, maka kelewatan sudah *overset*. Tiada tuntutan dibuat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: *Excuse, Chairman. Sorry ya.*

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Dato' Jalaluddin bin Alias: *100 percent EOT?*

Puan Kartina binti Zamhari: Dalam keadaan ini diberikan *100 percent*. Maka tidak ada LAD dikenakan.

Dato' Jalaluddin bin Alias: 100 percent EOT?

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Dato' Jalaluddin bin Alias: Dibagi oleh siapa?

Puan Kartina binti Zamhari: Dibagi oleh lembaga...

Puan Hely Herlyнна binti Mohd Kassim: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Puan Kartina binti Zamhari: Dipanggil anggota lah. *This* lembaga dipanggil anggota perbadanan.

Dato' Jalaluddin bin Alias: *Is there any tuntutan for LAD before the EOT diberikan? There was no any LAD has been claimed?*

Puan Kartina binti Zamhari: LAD, tidak pernah sebab LAD ini hanya dapat dikenakan sehingga projek siap ataupun projek dibatalkan. *A bit* tidak *advantage* kepada pihak PR1MA lah.

Dato' Jalaluddin bin Alias: Ya.

Puan Kartina binti Zamhari: Akan tetapi, tuntutan faedah ini sudah berlaku berlaku hanya selepas MTA dibuat. Maksudnya dalam perundingan untuk menamatkan, faedah terhadap bayaran lewat interim dituntut dalam MTA tersebut.

Tuan Pengerusi: Puan, hendak mendapatkan penjelasan. Angka berkenaan dengan faedah ini semuanya Jabatan Audit Negara dapat daripada MTA? *It is in the MTA?*

■1050

Puan Kartina binti Zamhari: Ini kita dapat daripada kiraan mereka dalam pada ia berunding, tuntutan dibuat adalah lebih tinggi. Dalam kes yang lima ini, tuntutan yang dibuat adalah RM77...

Puan Hely Herlyнна binti Mohd Kassim: RM77.46 juta. Akan tetapi, hasil rundingan, dapat dikurangkan kepada RM53.72 juta.

Tuan Pengerusi: *So, that means this is the figure that is actually stated in the MTA selepas rundingan? Betul?*

Puan Hely Herlyнна binti Mohd Kassim: Selepas rundingan. Betul.

Tuan Pengerusi: Okey. *So*, Puan, kita balik kepada angka RM90 juta lebih itu.

Puan Kartina binti Zamhari: Ya, RM91.

Tuan Pengerusi: *So*, tadi kata *the RM90 over million* merupakan LAD.

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Tuan Pengerusi: LAD yang sepatutnya dibayar oleh kontraktor kepada PR1MA.

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, PR1MA telah pun membuat keputusan untuk memberikan EOT.

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Tuan Pengerusi: Maksudnya, LAD tidak akan dikenakan.

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Tuan Pengerusi: So, soalan saya adalah, RM90 juta itu ia melibatkan projek mana?

Puan Kartina binti Zamhari: 1 dan 2... [Merujuk pada slaid pembentangan]

Dato' Jalaluddin bin Alias: *Chairman.*

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dato' Jalaluddin bin Alias: Sekejap ya. Saya hendak *clear* ya. Tadi *Chairman* tanya, tuntutan sebenar ialah *RM90 over million, the LAD?*

Puan Kartina binti Zamhari: Ini kita...

Dato' Jalaluddin bin Alias: *Based on your calculation?*

Puan Kartina binti Zamhari: Yes.

Dato' Jalaluddin bin Alias: Bukan *based on PR1MA's calculation or based on yours?*

Puan Kartina binti Zamhari: *Based on PR1MA's calculation* terhadap *delay.*

Dato' Jalaluddin bin Alias: Okey. *Right. RM90 over million.* PR1MA menuntut tidak LAD ini?

Puan Kartina binti Zamhari: Tidak.

Dato' Jalaluddin bin Alias: Kalau tidak menuntut, *how you get* macam mana PR1MA bagi EOT?

Puan Kartina binti Zamhari: Ia dalam proses *development* itu, bilamana ia lewat ikut jadual, ia mohon EOT.

Dato' Jalaluddin bin Alias: *No, wait, wait.* Kalau EOT diberi sebelum LAD itu dituntut, *definitely there is no any LAD.* Tidak ada lah. Fasal EOT dibagi sebelum LAD.

Puan Kartina binti Zamhari: Memang tidak dan kita tahu *legally* memang betul dia buat.

Dato' Jalaluddin bin Alias: *Then, how you come out with the calculation RM90 over million?*

Puan Kartina binti Zamhari: Cuma, dalam keadaan yang kita hendak nilai dari segi *win-win* dalam *mutual termination*, kita selalu melihat bahawa dua-dua pihak kena ada keadaan di mana menang-menang.

Dato' Jalaluddin bin Alias: *No, no. Wait, wait. Chairman* ya, saya hendakkan *clearance* dulu ya. Pertama, kalau EOT diberi sebelum LAD dituntut, *so, that means there is nothing to do with the LAD,* okey. Kalau EOT sudah dibagi di peringkat awal,

so, tidak ada tuntutan LAD. Itu yang pertama. Kedua, macam mana *you come out with this RM90 over million, then* kita ada kerugian *RM50 over million* dengan hilangnya pendapatan kita daripada LAD? Sedangkan itu *I don't think* itu boleh dikira sebagai pendapatan.

Puan Kartina binti Zamhari: Memang kita tidak sebut dalam kita punya laporan bahawa pihak PR1MA tidak menuntut LAD tersebut. Kita cuma membuat perbandingan sekiranya perjanjian ini dibuat secara lebih adil di dua-dua pihak, kita mungkin tidak akan rugi terlampau banyakkah. Ertinya, dalam pada obligasi pihak kontraktor untuk memberi perkhidmatan dalam tempoh mengikut *timeline*, mereka telah mengikut *timeline* tersebut. Maka, pihak PR1MA akuriah untuk tidak menuntut LAD.

Akan tetapi, dalam keadaan sebenarnya, dua-dua projek yang mana kita lihat pengiraan LAD tersebut, kontraktor ini memang tertanggung. Akan tetapi, disebabkan klausa mengenai LAD adalah hanya selepas projek itu diserahkan kepada PR1MA atau dibatalkan, di-*terminate*, hanya baru masa itu LAD dikira, *that means* tidak ada ruang untuk mengira LAD lagi sebab masa LAD hendak dituntut adalah di penghujung jalan. Kalau sekiranya dalam keadaan biasa di projek-projek lain yang kita audit, banyaknya klausa dalam kontrak akan mengira LAD mengikut *milestone*. Setiap *milestone* itu, berapa *percent* ia patut capai mengikut anggaran. Kalau tidak, LAD sudah dikira. Malah kita ada *counter* lagi di pihak-pihak kementerian tertentu di mana LAD itu sudah dikira, maka untuk ia *proceed* lanjut, bayaran tuntutan akan di *set-off* dengan LAD. Itu berlaku dalam keadaan yang agak adil lah. Jadi, dalam keadaan ini kita lihat LAD cuma dapat dituntut di penghujung, di mana...

Dato' Jalaluddin bin Alias: *Okay, Chairman, last question. Okay, right. Based on the value of the LAD yang tidak dituntut dengan EOT, is it balanced* atau tidak?

Puan Kartina binti Zamhari: *It is balanced.* Dia bagi semua EOT.

Dato' Jalaluddin bin Alias: Berapa *total* EOT dan berapa *total* LAD yang *you valued*?

Puan Hely Herlyнна binti Mohd Kassim: Untuk makluman Ahli Mesyuarat, untuk EOT, pihak Audit tidak membuat semakan secara terperinci sebab untuk audit pematuhan ini, kita fokus kepada faedah atas kelewatan yang dibuat terhadap kelewatan bayaran interim dengan *balance sum* kos bayaran tanah. Untuk kes PR1MA, LAD hanya dikira selepas pihak Audit membuat semakanlah. Maksudnya, kita hendak tengok berapa sebenarnya PR1MA layak untuk menuntut. Akan tetapi, memang tidak ada tuntutan sebab ia banyak *negotiations* dengan kontraktor. Kalau dalam kontrak, ia punya syarat untuk LAD ialah daripada *completion date* sehingga tarikh *termination* ataupun *handing over* projek lah. Dalam EOT memang kita tidak tengok lanjutlah.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Tuan Pengerusi, dalam dua-dua kes ini, projek ini, di-terminated ya? Ertinya, *once the EOT is given, then ia terminate*, ia tidak ada apa-apa kena lah dari segi LAD tadi. Begitu maksudnya?

Puan Kartina binti Zamhari: Begitulah masa kami mengaudit tetapi yang ini, selepas kita menyusul. Bila lepas kita mengaudit, kita menyusul balik, adakah kiraan LAD dibuat. Kita boleh *share* nanti matriks ini, di mana *termination* dilakukan pada 31 Disember 2018 untuk Alor Gajah dan untuk Parit Melana pada 31 Mei 2019. *Mutual termination agreement* ditarikhkan pada 22 September 2020. Jadi, kita minta dia kira. Jadi, dia kira daripada *contract completion date* sepatutnya ke tarikh *mutual agreement* adalah *delay* 631 hari dan 480 hari, di mana 10 peratus dikenakan terhadap bilangan hari ini dan adalah kiraan amaunnya berjumlah RM91.9 juta. Ini adalah susulan selepas kita melaporkan audit tersebut, kita susul balik.

Pada awalnya, bila kita tanya fasal LAD ini, memang pihak PR1MA kata LAD yang dikira semasa projek *ongoing* itu memang tidak dituntut sebab dia kata kita juga ada *default* sebab kita lewat bayar. Akan tetapi, pihak PR1MA lewat membayar, dituntut kemudiannya oleh pihak kontraktor. Itu yang kita rasa macam ketidakadilan di pihak situ. Di manakah kita melindungi hak kerajaan di sini? Itu persoalan kitalah.

Akan tetapi ini minta maaf, Yang Berhormat. Ini adalah hasil susulan audit kami yang kita dapati bahawa untuk dua kes yang dibatalkan tersebut, ada amaun *upon termination*. Ia ada amaun yang mana patut kita boleh tuntutan. Akan tetapi, pihak PR1MA pun kata tuntutan mereka sebenarnya lebih tinggi iaitu RM77 juta tetapi dibayar hanya RM53.72 juta.

Tuan Pengerusi: So, dalam dua kes itu, jumlah yang sepatutnya boleh dituntut oleh PR1MA sekiranya tanpa EOT adalah berapa?

Puan Kartina binti Zamhari: Oh, itu tanpa EOT, kita tidak kira lah pula.

Tuan Pengerusi: Okey, tadi Puan kata...

Puan Kartina binti Zamhari: Oleh sebab ia semua sudah *legalised* kan, jadi kita tidak kira.

■1100

Tuan Pengerusi: So, tadi soalan saya belum dijawab lagi.

Puan Kartina binti Zamhari: Ya?

Tuan Pengerusi: *The RM90 million*, pecahannya bagaimana?

Puan Kartina binti Zamhari: Dia adalah mengambil kira tempoh...

Tuan Pengerusi: Bukan, bukan, bukan. *My question is for which project* katakan di projek...

Puan Kartina binti Zamhari: Yang 1 dan 2. *[Merujuk pada slaid pembentangan]*

Tuan Pengerusi: 1 dan 2?

Puan Kartina binti Zamhari: Ya. Parit Melana dengan Alor Gajah.

Tuan Pengerusi: Parit Melana dan Alor Gajah?

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Tuan Pengerusi: Untuk dua kes ini sudah RM90 juta?

Puan Kartina binti Zamhari: RM91.9 juta.

Tuan Pengerusi: Berapa?

Puan Kartina binti Zamhari: RM91.9 juta.

Tuan Pengerusi: Okey, jika saya buat satu analogi di sini okey, RM91.9 juta ini tidak dituntut kerana EOT telah pun diberikan. Sekiranya EOT tidak diberikan, maka PR1MA patut dapat kembali RM91.9 juta ini. Dan sekiranya di-offset-kan pun dengan faedah kelewatan dalam MTA, maka sepatutnya PR1MA boleh dapat *some money back* kan? *RM40 over million?*

Puan Kartina binti Zamhari: *RM91.9 million.*

Tuan Pengerusi: *RM21 million?*

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Tuan Pengerusi: *How come RM21 million?* Puan tadi kata RM91.9 juta kan?

Puan Kartina binti Zamhari: Ya, RM91.9 juta.

Tuan Pengerusi: Oh. Okey. Yang RM70 juta itu apa?

Seorang Ahli: *Before negotiation.*

Tuan Pengerusi: *Before negotiation, RM70 million.* Untuk kes Parit Melana dan Alor Gajah sahaja, *is it?*

Puan Kartina binti Zamhari: *No.* Kalau kita lihat paparan itu, Parit Melana dan Alor Gajah mendapat sebanyak RM34.83 juta dan RM21.67 juta. Itu adalah tuntutan faedah.

Tuan Pengerusi: Original?

Puan Kartina binti Zamhari: Faedahnya yang dia dapat. Dia menuntut.

Tuan Pengerusi: Dia menuntut. Dapat yang di sebelah *column* itu? [*Merujuk pada slaid pembentangan*]

Puan Kartina binti Zamhari: Ya, betul.

Tuan Pengerusi: Okey. So, saya nampak di sini RM34 juta tambah RM21 juta dengan *decimal point* semua, RM56 juta jumlahnya.

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Tuan Pengerusi: RM56 juta. Tetapi Audit *found out* untuk *liquidated ascertained damages* (LAD) itu adalah sebanyak RM91.9 juta?

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Tuan Pengerusi: So, sepatutnya kita pakai *layman calculation is RM91 million minus RM56 million...*

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Tuan Pengerusi: ...Dua-dua kontraktor ini kena bayar kepada PR1MA lah? Okay, so, that RM90 million is only for these two projects?

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Tuan Pengerusi: So, have you found out the same issue that has arisen for the rest of the projects that are batal?

Puan Kartina binti Zamhari: Dua ini, dia ada *completion date* dia dan melibatkan...

Tuan Pengerusi: So, Puan, *basically my question is* dua projek sudah mencecah sebanyak RM90 juta. *If we are discussing about 32 terminated projects, so what is the bigger amount? So, have you found out any answers or not from them?*

Puan Hely Herlyнна: Yang Berhormat, sebab untuk yang lain-lain projek, ia masih dalam pembinaan, dalam perancangan. So, dia punya *progress* itu belum sampai *completion date* lagi. Sebab, LAD hanya dikira daripada tarikh *completion date* sehingga *termination* ataupun *handing over*. So, untuk dua projek ini sahaja yang ada LAD.

Tuan Pengerusi: Yang boleh kita *ascertained*-lah? Yang boleh kita tetapkan? Tetapi untuk yang lain, sama ada ini berlaku, tidak dapat ditentukan lagi? Okey, faham.

Puan Kartina binti Zamhari: Setakat ini yang kita hendak ambil sahaja, Yang Berhormat. Mungkin...

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak pergi balik kepada apa yang disebut tadi, dua projek utama ini, dengan *more details with regards to the LAD cost*.

Adakah ini antara sebabnya memandangkan pada awal, PR1MA tidak mempunyai pegawai yang mencukupi, kan? Dalam laporan asal itu kan? Jadi, boleh tidak bila mereka berikan antara sebab utama kenapa item ketiga ke bawah itu ialah kerana tidak adanya pegawai yang mencukupi? Yang ketika itu sama ada pengurangan, skim pemisahan sukarela ataupun sebab-sebab lain. So, *that was a period of which that caused* antara sebab kenapa tidak ada *detail out and the required demands*. *Can we say that roughly? Just to understand the background*.

Puan Kartina binti Zamhari: Memang sebab utama yang disebutkan oleh pihak PR1MA yang pengiraan ini tidak dibuat dan *delay* atau kelewatan daripada penilaian projek menyebabkan juga *delay*-nya dalam pembayaran adalah kekangan kakitangan.

Akan tetapi, untuk masuk LAD tadi, sebenarnya kami menyusul di pihak PR1MA dan pada masa itu juga baru kiraan LAD dibuat. Sebab, dia kata yang itu boleh dikenal pasti kerana sudah ada tercapainya *completion date* mengikut *timeline* yang ditentukan. Yang lain-lainnya, belum tercapai lagi. Ada lagi ruangnya untuk *completion date* itu dicapai. Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Ini hanya sebahagian daripada sebablah, tetapi tidak lagi mencakupi keseluruhan permasalahan.

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Because it has not reached the completion* ataupun tarikh-tarikh persiapan ya.

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Okay, thanks.*

Dato' Jalaluddin bin Alias: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dato' Jalaluddin bin Alias: *Last question.* Yang ke berapa kali *last*-lah. *[Ketawa]* Saya lewat tadi fasal banjir. Banjir, banjir.

So, saya hendak *clearance*-lah. Alor Gajah ya, *93 percent completed*?

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Dato' Jalaluddin bin Alias: *Dia terminate?*

Puan Kartina binti Zamhari: Ya.

Dato' Jalaluddin bin Alias: *90 percent?* Selepas dia sampai 93?

Puan Kartina binti Zamhari: Ya, 93.

Dato' Jalaluddin bin Alias: So, apakah pandangan Audit?

Puan Kartina binti Zamhari: Kita bertanya. Memang kita bertanya.

Dato' Jalaluddin bin Alias: Kalau *93 percent* dia *terminate*, *something wrong somewhere*.

Puan Hely Herlyna binti Mohd Kassim: Untuk dua projek ini, Yang Berhormat, dia *terminate* secara *buy-back*. Makna, kontraktor membeli balik projek. Untuk 1 dan 2 adalah kontraktor yang sama. *[Merujuk pada slaid pembentangan]*

Dato' Jalaluddin bin Alias: Ya, okey.

Puan Kartina binti Zamhari: So, dia *buy-back*-lah. Dia beli salah satu projek iaitu Parit Melana. Maknanya, dia batalkan terus yang Alor Gajah tetapi untuk Parit Melana...

Dato' Jalaluddin bin Alias: *No, no.* Dia bukan soal *buy-back*, *what not*, tetapi soal *termination*. *Terminate, terminate.* Sekarang saya tanya fasal *terminate*. *Terminate must be done by PR1MA.*

Puan Hely Herlyнна binti Mohd Kassim: Ya. Antara sebab dia *terminate* adalah jualan yang rendah. Untuk Parit Melana dalam dua *percent* dan Alor Gajah tiga *percent*. Ini data daripada PR1MA lah. Jualan.

Puan Kartina binti Zamhari: Yang Berhormat, *just to add-on*, menambah *clarification* mengenai soalan tersebut. Semasa kami menjemput pihak PR1MA untuk menjawab secara *face to face* semasa *exit*, pihak PR1MA memang menyebut kita kata, “*Obvious, 93 peratus, tunggu sikit masa lagi dia siap*”. Dia kata, bukan hanya disebabkan peratus yang kecil untuk mereka batalkan, tetapi juga prestasi jualan.

Dalam pada ketika itu, dia jawab kita, dia ada dua hingga tiga peratus sahaja jualan. Sedangkan projek lain, kalau *best practice*-lah, dalam pada pembangunan projek itu bila dia promosi, sudah ada jualan *at least* 20 ke 30 peratus.

Dato’ Jalaluddin bin Alias: *Correct me*, kalau saya salah ya. Maksudnya, kontraktor ini dia bina dan dia jual ya?

Puan Kartina binti Zamhari: Dia bina sahaja.

Dato’ Jalaluddin bin Alias: *So*, kalau bina sahaja, *nothing to do with the sales*. Itu PR1MA punya kerja.

Puan Kartina binti Zamhari: Ya lah, tetapi PR1MA mungkin melihat pada pembuatan...

Dato’ Jalaluddin bin Alias: *No, no, no, wait, wait*. Saya mahu tahu Audit punya pandangan. *That is why* saya tanya. Kalau *93 percent you terminate based on the progress of the construction works, it is unfair to the contractor and unfair to our system*. Itu persoalan saya.

Akan tetapi, kalau Audit jawab tadi, dia kata *based on* jualan, *nothing to do with the jualan*. Atau dia kontrak sekali dengan bina, jual dan duduk? *I don’t know*.

Puan Kartina binti Zamhari: Dalam keadaan ini, tidak. Akan tetapi, bila mana ia runding untuk dibatalkan dan dijual balik, pihak kontraktor sanggup untuk membeli dan menjual.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Saya hendak berbalik kepada soalan Yang Berhormat Jelebu tadi. Maksudnya, kalau kita tengok PR1MA punya *raison d’etre* adalah ditubuhkan untuk merancang, membangun, membina dan menyelenggarakan. Jadi, patutnya merekalah rancang awal-awal sebelum dipilih kontraktor dan sebagainya. Bila sudah peringkat kontraktor bina saya nampak konsep dia bina dan jual. Dia bukan *sell it first, right?* Yang diputuskan oleh PR1MA sudah tidak boleh dijual, kontraktor dipersalahkanlah dalam hal ini oleh PR1MA.

Nak pandangan Audit. *So, we need your opinion to help us to decide*.

Puan Kartina binti Zamhari: Akan tetapi, kalau kita lihat realiti, pihak *developer* juga, dalam keadaan ini kontraktorlah, mereka juga terlibat di dalam promosi. Kalau kita pergi di mana-mana *mall* mengenai projek-projek, selain daripada pihak PR1MA...

■1110

Dato' Jalaluddin bin Alias: *Wait*, Audit ya. Kita tidak boleh buat *assumption* macam itu.

Puan Kartina binti Zamhari: Okey.

Dato' Jalaluddin bin Alias: *That is based on the agreement* ataupun perjanjian awal. *The contractor is contractor. Then* promosi *is* promosi. Dua perkara yang berbeza. Kerana itu saya tanya *is it* kontrak ini pada awalnya diberi untuk *build* dan jual?

Puan Kartina binti Zamhari: Tidak.

Dato' Jalaluddin bin Alias: Fasal, bila laporan *you* tidak tepat, maka kita akan buat kesimpulannya yang tidak tepat.

Puan Kartina binti Zamhari: Cuma, dalam pada kita melaporkan mengenai *reason* atau sebab mereka *terminate*, itu adalah sebab yang diberitahu. Jadi, kita pun dalam bertulis dia menjawab bahawa pembatalan dibuat adalah disebabkan oleh, satu, kekangan kewangan untuk membayar; kedua adalah disebabkan oleh kakitangan yang tidak cukup; ketiga adalah disebabkan oleh jualan yang lembap.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: PR1MA lah itu?

Puan Kartina binti Zamhari: PR1MA menjawab begitu.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Jadi, siapa yang *terminate* siapanya? [*Ketawa*] *Mutual*-lah. Ini *mutual*?

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Mutual*.

Puan Kartina binti Zamhari: Ya. Kalau Yang Berhormat semua ingat pada tahun 2018, semasa peralihan kerajaan, memang ada satu pekeliling yang dikeluarkan oleh MOF untuk menilai semula projek-projek yang mana kurang daripada 15 peratus ataupun projek-projek yang telah ditandatangani tetapi *progress* dia belum lagi jauh, maka...

Dato' Jalaluddin bin Alias: Melangkaui daripada 15 peratus?

Puan Kartina binti Zamhari: Ya. Jadi, inilah rasionalisasi yang dibuat. Dan soalan kita juga semasa kita mengaudit kita tanya, "*Kenapa you pergi juga lihat yang lebih daripada 15 peratus hinggalah 93 peratus?*". Jadi, *reason* dia jawab pada kita adalah disebabkan peratus prestasi jualan adalah lembap masa itu iaitu dua hingga tiga peratus...

Dato' Jalaluddin bin Alias: *Chairman*, saya punya pandangan ya, *we are trying to be fair*. Kita ada di sini untuk berlaku adil kepada semua pihak supaya laporan PAC... [Disampuk] *Please, excuse me?*

Seorang Ahli: Ya.

Dato' Jalaluddin bin Alias: Supaya pelaporan kita tidak berat sebelah. Itu yang kita hendak supaya *the pure report must be tabled properly*. Itu yang penting sekali. Oleh sebab itu, saya lihat *be fair* kepada kerajaan dan juga kepada kontraktor, ini yang penting. Itu fasal saya tanya, macam mana tadi saya terlewat. Macam mana pihak PR1MA boleh *extend up to 1,000* lebih hari *the LAD? Why? There must be something wrong somewhere*. Apa yang pegawai kita buat?

Meaning to say, orang itu sudah hendak terjun sungai, *you* tunggu sahaja terjun. Orang langgar *traffic lights*, *you* tunggu sahaja langgar *traffic lights*. Apabila dia buat, baru *you* saman. *It is not fair*. Betul atau tidak? Itu maksud saya. *Thank you*.

Puan Kartina binti Zamhari: Terima kasih Yang Berhormat. Memang itu pun soalan kita kepada pihak PR1MA. Kita pun melihat kepada obligasi pihak kontraktor dalam kontrak. Dalam kontrak ini, kalau kita lihat, bahawa projek ini adalah "*Contractor hereby agrees to undertake, to develop and complete the project in accordance with the terms and conditions set out herein*". And then, obligasi dia adalah *design, construct, complete, finance and shall deliver the project in accordance with the timeline in the schedule six of the contract*. So, nampak gaya macam tidak ada kena mengena dengan jualanlah.

Beberapa Ahli: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: *I think* kita minta saksi dari PR1MA masuk, *then we can ask further questions*. But Audit will still be here, *we can seek clarification from them*. Can? Okay, thank you.

Puan Kartina binti Zamhari: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. So, Sekretariat, tolong usahakan saksi-saksi. Saksi yang masuk adalah KSU dan juga CEO PR1MA ya.

Dato' Jalaluddin bin Alias: *Chairman*.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Jalaluddin bin Alias: Boleh kita dapat atau tidak yang itu tadi, yang *clause...*

Puan Kartina binti Zamhari: Kontrak?

Dato' Jalaluddin bin Alias: Nombor berapa tadi itu? Saya pun lupa. *Clause* enam ya? Yang *you* baca tadi itu.

Puan Kartina binti Zamhari: Kontrak?


Dato' Jalaluddin bin Alias: Kontrak, kontrak. Boleh kita dapatkan petikan itu?


Puan Nurul Izzah binti Anwar: Kontrak. *Soft copy* ada kan?

Dato' Jalaluddin bin Alias: Ada? Dua kontrak itu leceh hendak baca. Jangan buang masa... *[Ketawa]*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Puan Kartina binti Zamhari: Yang Berhormat, sebenarnya yang kita kira 91 bukan kita kira tapi kita dapatkan kiraan daripada PR1MA selepas kita susun adalah dari *termination date* itu sehingga MTA ditandatangani. Itu ada tempoh. Tempoh itu yang dikira LAD.







MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Isnin, 11 Januari 2021

Bil. 2 (b) / 2021

MESYUARAT
**JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Prosiding Mengenai:

Tuntutan Faedah atas Kelewatan Bayaran Projek

Perumahan PR1MA

- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
i) YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan,
Ketua Setiausaha

PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
ISNIN, 11 JANUARI 2021
10.30 PAGI**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]
YB. Dato' Jalaluddin bin Alias [Jejebu]
YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]

YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Puan Kartina binti Zamhari [Pengarah Audit Kewangan I, Sektor Audit Kewangan]
Puan Hely Herlyna binti Mohd Kassim [Ketua Penolong Pengarah (Audit Kewangan I), Sektor Audit Kewangan]
Puan Shafinas binti Sazali [Penolong Pengarah (Audit Kewangan I), Sektor Audit Kewangan]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Kementerian Kewangan**

Encik Abd Razak bin Abdullah [Timbalan Setiausaha Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi]

Encik Muhammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (Seksyen Parlimen dan Kawalan Pemantauan) II, Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi]

Jabatan Peguam Negara

Encik Abdul Aziz bin Engan [Ketua Unit Projek Khas dan Jawatankuasa Khas/Majlis Khas, Bahagian Penasihat]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Puan Salwa binti Muharam [Timbalan Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan]

Jabatan Akauntan Negara

Cik Azma binti Jusoh [Timbalan Pengarah (Seksyen Pengurusan Perakaunan Amanah) Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]

Unit Perancang Ekonomi

Encik Mohd Zulkifli bin Harun [Timbalan Pengarah (Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Bahagian Perkhidmatan Sosial]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan)]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan [Ketua Setiausaha]

Encik Jayaselan a/l K. Navaratnam [Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara]

Encik Mas Rizal bin Mohd Hilmi [Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perumahan Negara]

Tuan Ahmad Zafwan bin Sulaiman [Ketua Penolong Pengarah Jabatan Perumahan Negara]

Perbadanan PR1MA Malaysia

Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff [Ketua Pegawai Eksekutif]

Encik Zulkarnain bin Zainuddin [Ketua Pembangunan]

Encik Khalid bin Ramli [Ketua Perkhidmatan Korporat]

Encik Zahran bin Tasliman [Ketua Audit]

Encik Azhar Ahmad Zaki [Ketua Kewangan]

Encik Afiq Syarifuddin bin Ahmad Nazari [Ketua Pengurusan Pembangunan]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KETIGA

Isnin, 11 Januari 2021

Bilik Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.30 pagi

*[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Saksi-saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Salam sejahtera dan selamat pagi saya ucapkan kepada Ahli-ali PAC sekalian. Pada pagi ini kita akan mengadakan prosiding berkenaan dengan tuntutan faedah atas kelewatan bayaran projek PR1MA di bawah KPKT dan isu-isu yang berkaitan.

■1120

Di hadapan kami adalah Yang Berbahagia Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, KSU KPKT; Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd Nazri Md. Shariff, CEO PR1MA; dan Yang Berusaha Encik Jayaselan, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara serta barisan pegawai dari KPKT, JPN dan PR1MA. Terima kasih saya ucapkan kerana hadir di hadapan PAC pada pagi ini.

Seperti semua sedia maklum, kehadiran Datuk Zainal Abidin, Datuk Haji Mohd Nazri dan Encik Jayaselan adalah untuk memberikan penjelasan dalam prosiding berhubung tuntutan faedah atas kelewatan bayaran Projek PR1MA seperti yang dilaporkan dalam LKAN Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan 2019 yang dibentangkan di Parlimen pada 10 Disember 2020 yang lepas.

Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk KSU, sebentar tadi Jabatan Audit Negara telah pun memberikan penjelasan lanjut kepada kami berkenaan dengan status terkini dan isu ini dalam AG *dashboard*. Maka, sehubungan dengan itu, saya dengan segala hormatnya menjemput Yang Berbahagia Datuk KSU untuk memulakan pembentangan daripada KPKT dan juga PR1MA berhubung dengan isu ini. Dipersilakan Datuk.

Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan [Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Ahli-ahli PAC. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Yang Berhormat, kalau diizinkan, izinkan saya untuk membentangkan *slide* ini dengan membawa sedikit pengenalan mengenai PR1MA dan *background* sebelum kita terus kepada isu yang disentuh oleh Jabatan Audit Negara. Ini kerana kami berpandangan *background* mengenai apa yang PR1MA telah laksanakan daripada tahun 2018, 2019, 2020 adalah amat berkaitan untuk kita memahami isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara.

Isi kandungan *presentation* kami pada hari ini ialah, satunya, dari segi pengenalan mengenai PR1MA, *Transformation Blueprint 2018-2020*, Pelan Rasionalisasi PR1MA, skop audit pematuhan, syor Audit dan tindakan oleh PR1MA itu sendiri. Saya akan *brief through* pengenalan ini sehingga yang ketiga. Mengenai skop audit pematuhan ini, kalau diizinkan, saya akan minta Datuk Haji Mohd Nazri yang menjelaskannya, okey.

Pengenalan mengenai PR1MA. Perbadanan PR1MA Malaysia ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 untuk merancang, membangun, membina dan menyelenggarakan perumahan berkualiti tinggi dengan konsep gaya hidup berpatutan untuk rakyat berpendapatan sederhana. Seterusnya pada September 2018, Jemaah Menteri telah bersetuju untuk PR1MA dipindahkan kawal selia dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Slide seterusnya ialah mengenai bidang kuasa. Ada empat entiti yang bertanggungjawab mengenai PR1MA. Satunya, Anggota Perbadanan PR1MA dipanggil MOC kita tak panggil *board of director* yang bertanggungjawab menjalankan fungsi dan kuasa-kuasa yang diberi peruntukan di bawah akta dan kontrak-kontrak yang melebihi RM10 juta. Menteri yang bertanggungjawab ke atas PR1MA sekarang ini Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang hanya bertanggungjawab dari segi menentukan hala tuju PR1MA dan juga kontrak kelulusan bagi kontrak yang melebihi RM10 juta. Menteri Kewangan untuk di bawah akta, semua kontrak melebihi RM10 juta perlu mendapat kelulusan Menteri Kewangan dan Perdana Menteri untuk pelantikan Pengerusi, CEO dan anggota pentadbiran.

Untuk makluman Yang Berhormat, *normally*, KSU adalah dalam anggota sebelum ini ialah di bawah Anggota Perbadanan PR1MA. Tetapi bagi kali ini, saya tidak di dalam Anggota Perbadanan lah. So, wakil kementerian setakat ini pada masa kini ialah Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara iaitu Encik Jayaselan.

Dato' Jalaluddin bin Alias: *Mr. Chairman*, adakah KSU menarik diri atau tidak dilantik?

Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan: Tidak dilantik.

Dato' Jalaluddin bin Alias: Tidak dilantik?

Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan: Yes.

Dato' Jalaluddin bin Alias: So, siapa wakil kementerian?

Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan: Encik Jayaselan. Encik Jayaselan memang telah...

Dato' Jalaluddin bin Alias: Jawatan?

Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan: Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara.

Dato' Jalaluddin bin Alias: *Come again?*

Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan: Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara.

Dato' Jalaluddin bin Alias: Okey.

Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan: Ya. Seterusnya, izinkan saya terus kepada *slide* seterusnya iaitu *Transformation Blueprint 2018-2020* yang telah dilaksanakan oleh PR1MA. Pada tahun 2018, kalau kita lihat di situ... [*Merujuk pada slaid pembentangan*] *On transition and crisis management*, pada ketika itu kita telah mengenal pasti. Pada tahun 2018, inilah tarikh di mana PR1MA dipindahkan daripada JPM ke Kementerian Perumahan.

Ada beberapa isu yang telah dikenal pasti yang menjadikan PR1MA dalam keadaan yang mungkin Ahli-ahli PAC sudah sedia maklum iaitu *business model*-nya ialah *delivery-driven business model* dan ia bergantung pada *government funding*. Itu peringkat awalnya. Pada ketika itu, jualan unit rumahnya adalah amat perlahan dan dengan itu ia menghadapi *constraint* dalam tunai dan juga telah menghadapi beberapa tuntutan undang-undang, khususnya di bawah CIPAA dan juga pelanggaran kontrak.

Kemudian pada tahun 2019, di bawah *board* pada ketika itu yang diluluskan pada Februari 2019, telah meluluskan *transformation* dan *rationalisation* di mana daripada 94 projek yang sedang dilaksanakan pada ketika itu, hanya 65 projek sahaja yang diteruskan dan 29 dibatalkan. Pada masa yang sama juga, telah berlaku penyusunan semula organisasi, *change of management*, kalau tidak silap saya, melibatkan *more than 30 percent* pertukaran di peringkat pengurusan. Juga melaksanakan audit dan *due diligence*.

Rancangan rasionalisasi ini, pada pandangan saya, telah berjalan dengan baik. Pada tahun 2020, hasil daripada rasionalisasi ini, PR1MA telah melaksanakan *new business model* dan *sales-driven* itu yang dipanggil, yang akan di-*explain* kemudian iaitu MEBPA, kita telah berjaya meminda model itu sedikit melalui *supplementary agreement* dan melaksanakan JV model, makna *joint venture*. Sebelum ini PR1MA melalui model lama kontraktor/pemaju untuk membangunkan, *just construction*, dan tanggungjawab untuk jual dan mendapatkan peruntukan *solely on* PR1MA. *So, that is the main issue* yang membawa kepada keadaan ini sekaranglah.

Melalui rasionalisasi ini juga, PR1MA telah berjaya mengurangkan *financial exposure* daripada GDC RM23 bilion kepada RM14 bilion dan telah berjaya mengurangkan pergantungan kepada *government funding*.

Untuk makluman, tahun 2021, tidak ada geran peruntukan daripada kerajaan. So...

Dato' Jalaluddin bin Alias: *Chairman*, Datuk KSU, GDC 23 ke 14 jauh beza, *you know. Almost half. Apa ia punya detail? Boleh dapat?*

Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan: Boleh CEO *explain?*

Dato' Jalaluddin bin Alias: Ya. Sila.

Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff [Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan PR1MA Malaysia]: Terima kasih Datuk KSU. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa.

Dua tahun lepas apabila kami mulakan Transformasi *Blueprint PR1MA* ini, antara beban yang kami nampak adalah terlalu besar *gross development cost* (GDC) kita, di mana tanah-tanah yang telah dibeli telah pun dibayar tetapi *cost of construction* masih belum. Kita ada *slide* yang kemudiannya bila kita tunjukkan, di tahun 2018 sahaja, 94 projek masih lagi di dalam perancangan *on the ground*. Jadi, bila kita *quantified* 94 projek, jika sekiranya diteruskan, *exposure* kepada PR1MA dan juga kerajaan adalah sebanyak RM34 bilion.

Dato' Jalaluddin bin Alias: *No. Your GDC is based on 94 or based on 65?*

Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff: *On 94.*

Dato' Jalaluddin bin Alias: *On 94.*

■1130

Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff: Oleh sebab itu kita dengan kadar segera kita cuba mengurangkan. Sebab, kita difahamkan kerajaan tidak lagi mampu untuk terus menerus membantu PR1MA dengan menyalurkan dana melalui geran *development expenditure (DE)*. Jadi kita diarahkan untuk mengurangkan *exposure*.

Dato' Jalaluddin bin Alias: *So, meaning to say, instead of 23, based on 94? So, 14 based on 65?*

Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff: *On the lower number of projects yang diteruskan.*

Dato' Jalaluddin bin Alias: Yang diteruskan?

Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff: *Yes. Thank you.*

Tuan Pengerusi: Ya, Datuk, boleh tak jelaskan kepada Jawatankuasa ini okey, tadi kita pun dengar dari PR1MA tentang apakah tanggungjawab PR1MA, kontraktor, *landowner* dan sebagainya. Dalam kesemua 94 projek ini, adakah kesemuanya PR1MA merupakan pemilik tanah dan juga *developer* yang menjual

ataupun ada sesetengah yang mana PR1MA *joint venture* dengan pemilik tanah, lepas itu PR1MA yang jual? Ataupun kesemuanya PR1MA akan melantik *turnkey contractor* untuk siapkan tetapi PR1MA selaku pemaju untuk jual? So, apakah peranan PR1MA di sini? *Is PR1MA the developer in a sense*, ataupun PR1MA ada melantik kontraktor ataupun syarikat yang lain selaku *developer*?

Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff: Terima kasih atas soalan Tuan Pengerusi. Okey, kalau nampak di slaid yang tertera di hadapan kita, memang kita akur dan kita kenal pasti di waktu tersebut di dalam *business model* yang lama, memang beban dan tanggungjawab itu terlalu besar untuk PR1MA sebagai *business entity* yang *delivery-driven* dan bertanggungjawab semua sekali dari segi mengadakan perjanjian di mana membeli tanah, meneruskan *construction payment* dan yang paling membebaskan sekali yang kita alami kemudiannya adalah menjual unit-unit tersebut. Jadi, bila dulunya kita tidak mengenal pasti risiko penjualan sebagai satu risiko yang amat penting, *that is why we have to change our business model from just delivery and construction* kepada *business model* yang baharu iaitu yang kita namakan *sales-driven business model*.

Jadi, sehubungan itu, kita tidak boleh sewenang-wenangnya *disconnect, discontinue and terminate*. Kita telah berbincang dan memastikan antara 65 projek yang diteruskan, semuanya akan perlu menandatangani perjanjian baharu yang kita *call as supplemental agreement* yang mana *also* yang paling penting sekali, meminta kepada kontraktor-kontraktor yang meneruskan *business-business* PR1MA ini, yang 65 tersebut, juga terpaksa mengambil alih tanggungjawab untuk menjual unit-unit rumah PR1MA. Jadi tekanan atau *pressure* itu, *you do not just construct for us, you must also help us to sell the units. Thank you.*

Dato' Jalaluddin bin Alias: Itu mula bila? *Sales-driven* mula bila?

Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff: Okey, ia bermula tahun 2019 bilamana kita selepas pelan rasionalisasi ini sebenarnya bermula dengan kita mengenal pasti, kita mesti mengenal pasti projek yang berdaya saing, berdaya maju mesti diteruskan. Jadi, kita sudah mengenal pasti *out of 94, at that point in time, 30 looked very not viable, not feasible. Then*, yang baki 65 kita teruskan dan kita akan memastikan dan telah pun. Lapan puluh *percent* daripadanya telah pun menandatangani *supplemental agreement*.

Dato' Jalaluddin bin Alias: Boleh *we assume that your supplemental agreement* itu diterima dan dipersetujui oleh kontraktor?

Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff: Yang Berhormat, betul.

Dato' Jalaluddin bin Alias: *All* dipersetujui dan diterima?

Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff: Setakat ini cuma tinggal lagi 13 sahaja yang kita *target in the first quarter of this year* akan kita lengkapkan. Maknanya 94 akan ada *supplemental agreement*. Maknanya mereka bersetuju mereka kena *sign new agreement* untuk menukar *business model* kita. Mereka juga bersetuju mereka kena bertanggungjawab untuk memastikan jualan itu berlaku dan juga *business model* kita, memastikan hasil jualan itu jugalah yang akan kita gunakan *to fund* projek itu untuk diteruskan. Maknanya, *no more dependency on the government funding*.

Tuan Pengerusi: Datuk, saya masih ada kekeliruan berkenaan dengan peranan PR1MA sebelum tahun 2018 dan selepas tahun 2018. Apa yang saya tahu, selepas tahun 2018, PR1MA telah pun menjadi amat agresif dari segi *sales* dan ini membolehkan banyak *sales* telah pun dapat dicapai. Dengan adanya rebat sampai 10 hingga 30 peratus rebat, lepas itu ada HOC lagi. So, kesemua itu telah membawa satu, *I would say* satu pencapaian yang baik bagi PR1MA.

Akan tetapi, sebelum tahun 2018, saya hendak tahu, apakah peranan PR1MA? *Is PR1MA the developer* yang bertanggungjawab untuk kesemua *sales* ataupun PR1MA ada melantik mana-mana pihak untuk menjadi *developer*? Ataupun dalam dari segi *joint venture*, apakah peranan PR1MA? Sama ada PR1MA membeli tanah itu terus atau PR1MA akan ada satu usaha sama *joint venture* dengan pemilik tanah untuk membangunkan tanah itu? *Prior to 2018, I think* saya memang *confuse* dari segi itu.

Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff: Soalan tersebut...

Tuan Pengerusi: Sebelum itu, Datuk. Tahun 2020, sekiranya saya faham tadi, Datuk tadi kata PR1MA *shifted some of the burdens to the contractor, get them to help you to sell. But I do not think that is the situation because all the sales are currently being done by PR1MA. Contractor remains as the contractor.* Kontraktor bukan *developer*, bukan pemaju. Mereka tidak ada tanggungjawab untuk membantu PR1MA untuk menjual.

Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff: Untuk menjawab soalan tersebut, *I think we are very firm in 2018 and before* iaitu tanggungjawab PR1MA adalah untuk menjual unit-unit tersebut dan bukannya tanggungjawab kontraktor kita yang dilantik sebelumnya. *We are very firm.* Sebab tidak ada *agreement* yang *bind them to be responsible for the sales.* Sebab itu bila ada *supplemental agreement* yang baharu, kita masukkan klausa ini mereka bertanggungjawab dengan bersama-sama pada kita. Akan tetapi, yang pentingnya, bila mereka bertanggungjawab untuk menghasilkan *sales they know the project better, they know the location better. When they proposed the project to PR1MA in the early years, they knew what the market was like. So, they should know the market better and it is proven with the sales achievement* sekarang...

Tuan Pengerusi: *So, you mean the contractors actually proposed to PR1MA on the projects earlier on?*

Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff: *In the early days, the proposals came from many parties. Of course, the contractor, in some cases, was also part of the promoter or the proposal to the project. It was mixed, back in the early years. Yang penting ke depan sekarang ini, Tuan Pengerusi, kita telah memastikan mereka bertanggungjawab ke atas sales dan kita nampak komitmen itu untuk sama-sama menjayakan projek ini sebab jika tiada sales masuk, memang *limited funds is available for us to pay them to finish off the contract.* Jadi...*

Tuan Pengerusi: *Actually, how is the supplemental agreement being worded? Bagaimana kontraktor itu actually, to me, if the contractor in the principal agreement if there is no obligation to help you to sell, it is not easy to convince them to sell. So, I would like to see the magic here as so how you all convinced them.*

Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff: *Sehubungan ini, seperti kita maklum di depan slaid ini, kita telah melalui satu *due diligence* pada tahun 2019 iaitu *legal contract review*. We appointed one external legal advisor to review all of our contracts. Jadi antara *findings* yang *very strong and crucial* dalam *contract review* tersebut adalah kontrak-kontrak PR1MA ini adalah macam seolah-olah *lopsided*. *Lopsided* maknanya tidak memberatkan kepada *lopsided* kepada kontraktor, tidak menjaga kepentingan PR1MA dan kerajaan.*

*One of the issues was absence of sales responsibility. So, this legal due diligence ini telah membuahkan hasil dan *recommendation for us to tweak the clause*. Hence, we crafted another supplemental agreement to make sure the responsibility is there and saya rasa ia telah berjaya sebab sekarang ini cuma tinggal 13 sahaja out of 94 yang telah pun *signed*. Maknanya mereka tidak ada halangan dan mereka sama-sama faham jika tiada sales, dengan keadaan dua tiga tahun yang kebelakangan dan yang ke depan bahawa tidak ada lagi komitmen daripada kerajaan untuk membantu projek-projek PR1MA melalui saluran geran, *it is their responsibility together with PR1MA* untuk memastikan projek tersebut diselamatkan dan kita selesaikan. Jadi, *it is an understanding between PR1MA and also our so-called partners to make sure the project is a successful one.**

Tuan Pengerusi: *Datuk, I am interested to see the agreement. Maybe after this, PR1MA can furnish one sample agreement yang prior to 2018 yang mana ditandatangani oleh antara PR1MA, contractor and landowner, if that is applicable, selepas itu the supplemental agreement. Furnish the copy to the Sekretariat.*

Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff: *Boleh.*

Tuan Pengerusi: Lepas itu saya jemput Yang Berhormat Jelebu dan *I think* Yang Berhormat Sipitang *just now you tekan your mic, right?*

Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat Jelebu *first. Then* Yang Berhormat Sipitang.

Dato' Jalaluddin bin Alias: Boleh saya *assume* sekali lagi, maknanya kalau dia tidak boleh buat *sales*, dia boleh di-*terminate*?

Datuk Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff: *First of all*, kalau tidak ada *sales* yang mendatang, *funding* kepada projek tersebut akan *slow down*.

Dato' Jalaluddin bin Alias: *No, no.* Soalan saya ialah kalau kontraktor itu tidak *perform* dalam soal *sales*, berapa *percent* dia punya *benchmark*, kalau dia tidak capai itu, *that is the clause* untuk PR1MA *terminate* kontrak itu?

■1140

